

# 'Huminodun' paparkan perpaduan kaum Bumi Kinabalu



OLEH RAPHIEL PINUS

**KISAH Huminodun, gadis lagenda yang mengorbankan diri untuk kesejahteraan penduduk bumi, menjadi padi, tentunya sudah sinonim dengan masyarakat tempatan khususnya kaum Kadazandusun kerana ia sememangnya menjadi keperayaan lama mereka**

Bagaimana pula dengan kisah Huminodun di zaman sains dan teknologi masa kini? Masih wujudkah si "Huminodun"?

Telemovie VCD terbaru bertajuk "Huminodun" yang bakal menjalani penggambarannya selewat-lewat bulan Februari ini menjadi jawabannya.

Walaupun, dasarnya telemovie VCD ini berlatakan belakangkan kehidupan di zaman moden namun semangat Huminodun tetap diperlihatkan.

Berkesempatan bertemu dengan pengarah Huminodun, Tony Francis Gitom baru-baru ini, beliau yang juga penulis cerita, berkata di sebalik kisah cinta dalam telemovie yang menggabungkan bahasa dan loghat suku kaum-suku kaum di Sabah ini, ia juga membawa mesej perpaduan.

## Persaingan untuk cinta

Katanya, kisah berkisar kepada dua penuntut lelaki di sebuah institusi pengajian tinggi (Universiti Malaysia Sabah), Banus dan Michael yang bersaing memikat seorang gadis di universiti yang sama bernama Surindai.

Memandangkan terdapat perbezaan dari segi latar belakang kehidupan di mana, Banus berasal dari kampung manakala Michael dari kawasan bandar, Michael ser-

ing mengambil kesempatan terhadap teman sebiliknya itu.

Pada suatu hari, Michael mengambil kesempatan mendekati gadis Sino Kadazaan itu dengan menyerahkan kad nama Surindai yang tercicir dan mendakwa menemuinya sedangkan ia ditemui oleh Banus. Keadaan itu membuatkan hubungan dua sahabat terbabit semakin renggang.

Kisah diteruskan dengan ajakan Surindai kepada Banus ke kampung halamannya. Michael yang mengetahui perkara itu berkeras untuk ikut serta.

Ketika berada di kampung Surindai, dua pemuda itu masih memperlihatkan sikap negatif mereka. Melihat akan keadaan itu, ayah Surindai mengambil inisiatif untuk mendamaikan mereka dengan membawa keduanya ke sawah.

## Kisah Huminodun

Cerita Huminodun, digambarkan dalam telemovie ini apabila ayah Surindai menceritakan kepada mereka mengenai sikap mulia Huminodun.

"Kisah Huminodun akan dipaparkan menerusi cerita ayah Surindai," kata Tony, yang sebelum ini turut mengarahkan telemovie VCD Cinta Kinabalu.

Menurut pengarah muda ini lagi, semasa di kampung kedua pemuda itu juga mengetahui bahawa Surindai sebenarnya menghidap penyakit barah yang membawa maut.

Kebaikan Huminodun juga, digambarkan menerusi watak Surindai yang di akhir hidupnya menasihati kedua pemuda itu supaya berdamai dan berusaha bukan sahaja untuk mencapai kejayaan malah

menjadi orang berguna kepada masyarakat.

Dan atas dorongan semangat oleh Surindai itu, Banus dan Michael menjadi pemimpin yang saling bekerjasama dan bersepakat.

"Mereka akhirnya duduk bersama sebagai orang yang berguna kepada masyarakat mereka," kata Tony lagi.

Namun masih ada yang menarik dalam telemovie ini di akhir cerita dan untuk itu, kita akan sama-sama nantikan kesudahannya.

Di sebalik kisah percintaan dan sedih, cerita telemovie ini diselangi dengan unsur-unsur komedi. Ia bertujuan menggamit perhatian pe-nonton.

Selain itu, telemovie terbitan CNF Communication ini juga dimuatkan dengan tiga buah lagu ciptaan Asmin Mudin.

## Peluang untuk berlakon dalam Huminodun

Walaupun ujubakat sebagai pelakon telemovie ini sudah berakhir minggu lalu, namun peluang untuk berlakon masih terbuka bagi mereka yang berminat.

Menurut Tony, pihak penerbit akan mengadakan bengkel lakonan selama seminggu bulan ini kerana mereka memerlukan ramai pelakon terutamanya sebagai pelakon tambahan.

Untuk pertanyaan lanjut mengenai tarikh dan tempat bengkel diadakan boleh menghubungi, beliau menerusi nombor 013-8585666, Jamil (013-8751516) atau Ramli (019-8328032).